

Tamu Gadang UMS-KAL 2012 dilancar

UB 05-10-2012 B3

PENGARAH Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Prof Madya Dr Ismail Ali telah melepaskan peserta berbasikal untuk mempromosikan Tamu Gadang sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-14 peringkat UMS-KAL, di depan bangunan menara universiti itu, Rabu lalu.

Pada majlis itu, seramai 20 pelajar yang menunggang basikal mengedarkan risalah acara itu kepada orang ramai dan penghuni taman perumahan serta penduduk kampung untuk menyertai dan memeriahkan Tamu Gadang UMS-KAL 2012.

“Kami menjemput orang ramai untuk menyertai dan memeriahkan pelbagai acara menarik sempena Tamu Gadang peringkat UMS-KAL tahun ini,” katanya.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMS-KAL,



ISMAIL (kiri) beramah mesra dengan peserta berbasikal yang akan mengedarkan risalah Tamu Gadang ke taman perumahan dan kampung di Labuan.

Zamri Mohamad Tuah dan pegawai penyelaras program, Suffian Osman. Tamu Gadang 2012 akan

diadakan di padang dan Dewan Utama UMS-KAL pada 11 hingga 14 Oktober dengan menampilkan

beberapa acara menarik termasuk ceramah kesihatan, ceramah bomba, gerai jualan, pertandingan

kucing, mewarna kanak-kanak, karaoke, photohunt dan kereta kawalan jauh.

Turut diadakan pertandingan dota, memancing pesisir pantai, bola keranjang, bola sepak

pantai, bola sepak 7-sebelah, bola tampar pantai dan pameran kereta, skuter dan basikal.

Ismail berkata, acara kemuncak Tamu Gadang itu ialah majlis penutupan

oleh Naib Canselor UMS, Prof Dr Mohd Harun Abdullah pada 13 Oktober yang akan diserikan dengan persembahan artis terkenal tanahair, Felix Agus dan Jimmy Palikat.



ISMAIL (kiri) melepaskan peserta berbasikal yang akan mengedarkan risalah Tamu Gadang 2012 ke kampung dan taman perumahan di Labuan.